KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	04/12/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	KeTSA , JPSM			

MTN setuju penguatkuasaan dan penyelesaian selewat-lewatnya 1 Jun 2022

Selesai isu penerokaan haram – PM

Oleh EDDY HAMIDI

PUTRAJAYA – Kerajaan negeri di Semenanjung Malaysia perlu melaksanakan tindakan penguatkuasaan dan mencari penyelesaian terhadap penerokaan haram di setiap negeri selewat-lewatnya pada 1 Jun 2022.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, keputusan tersebut dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) Ke-79 yang bersidang secara maya kelmarin.

"Pada mesyuarat MTN kali ini, terdapat empat kertas telah dibentangkan menyentuh beberapa dasar penting berkaitan perhutanan dan perlombongan.

"MTN kali ini telah bersetuju dengan Tindakan Penguatkuasaan dan Penyelesaian Terhadap Penerokaan Haram dan Hutan Simpan Kekal (HSK) di Semenanjung Malaysia dan supaya semua kerajaan negeri melaksanakan penguatkuasaan dan penyelesaian terhadap penerokaan haram di setiap negeri selewat-lewatnya pada 1 Jun 2022," katanya dalam kenyataan semalam.



PEMANDANGAN keadaan penerokaan tanah di Cameron Highlands yang boleh mengakibatkan bencana alam seperti tanah runtuh. – GAMBAR HIASAN

Menurutnya, MTN Ke-79 telah bersetuju dengan Rang Undang-undang (RUU) Perhutanan Negara (Pindaan) 2020 bagi Seksyen 11 dan 12 yang telah diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara pada 3 Disember 2020 dan Jemaah Menteri pada 6 Januari 2021.

"MTN juga bersetuju supaya RUU ini dibentangkan pada sesi pertama Parlimen tahun 2022 dan dalam konteks ini pemakaian RUU Perhutanan Negara (Pindaan) 2020 hanya akan terpakai di negeri-negeri setelah Dewan Undangan Negeri (DUN) meminda Enakmen Perhutanan (Pemakaian) masing-masing.

"MTN turut bersetuju secara prinsip dengan pelaksanaan Moratorium Kelulusan Baharu Penubuhan Ladang Hutan dalam HSK di Semenanjung Malaysia selama 15 tahun dan turut mengambil perhatian bahawa terdapat 127,050.25 hektar Zon Pembangunan Ladang Hutan dalam HSK yang belum diluluskan kepada mana-mana syarikat," ujarnya.

Jelasnya, sebelum moratorium dikenakan ke atas kawasan tersebut, kerajaan negeri yang ingin meneruskan pembangunan ladang hutan perlu berunding dengan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) bagi memastikan syarikat yang akan dilantik mematuhi syarat perjanjian konsesi serta perundangan yang berkuat kuasa.